



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD**  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENYERTAAN**  
**BENGKEL TEKNOLOGI REKABENTUK**  
**INFRASTRUKTUR ASAS HIDROPINIK NFT DAN**  
**DFT FASA 1**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**27 FEBRUARI 2021 (SABTU)**  
**9.30 PAGI**

**EDU-GREEN CENTRE**  
**PADANG CHEMPEDAK**  
**TASEK GELUGOR**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Che Zalina binti Zulkifli**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, Perak

**Yang Berbahagia Profesor Dr Mohd Fauzi Bin Sedon @ M Dom**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim, Perak

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Warga Kerja MBSP**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada pagi yang barakah ini di Majlis Penyampaian Sijil penyertaan Bengkel Teknologi Rekabentuk Infrastruktur Asas Hidroponik NFT dan DFT Fasa I.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Che Zalina binti Zulkifli dan juga Yang Berbahagia Profesor Dr Mohd Fauzi Bin Sedon @ M Dom atas jalinan kerjasama strategik yang menggunakan pendekatan *Smart Partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Melalui

pendekatan ini, secara tidak langsung telah memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat, terutamanya di Seberang Perai.

**Yang Berbahagia Prof, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

Pentadbiran MPSP telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada *philosopher* dari kalangan pensyarah universiti dan pemikir serta professional. Saya berpendapat menara gading dan pihak berkuasa tempatan seharusnya bergabung untuk menerokai kekuatan perkongsian supaya meluncur laju memberi khidmat dan manfaatnya yang dirasakan oleh rakyat. Seberang Perai boleh dijadikan makmal bergerak yang besar untuk melaksanakan *Research & Development* (R&D) dalam pembangunan "*Smart Sustainable City*".

Kerjasama MPSP dengan rakan strategik hijau, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), merupakan satu perkongsian idea kreatif "*MPSP Smart Consumption Model*" iaitu 8R [*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift, recover* dan *recycle*] dengan "*Re-Imagining Waste as a Resources*" daripada UPSI dalam pelaksanaan program-program seperti;

- I. Penyediaan Mural 3D menggunakan bahan buangan, iaitu tudung botol minuman, untuk dijadikan sumber dalam menghasilkan karya seni. Sebanyak empat (4) Mural 3D bertemakan pemandangan di Seberang Perai dan berukuran 20' x 8' telah berjaya disiapkan dalam jangkamasa tiga (3) hari pada 23 September 2018 dengan kerjasama dan penglibatan 595 orang sukarelawan yang dibimbing oleh pihak UPSI. Para sukarelawan adalah terdiri daripada kakitangan UPSI; pegawai dan kakitangan MPSP dari semua peringkat, wira-wira orange, wakil-wakil persatuan dalaman MPSP; Agensi Kerajaan dan Institut Pengajian Tinggi; Syarikat-Syarikat Swasta termasuk kilangkilang; sekolah-sekolah; wakil-wakil komuniti dan persatuan; serta orang awam. Mural 3D yang amat kreatif ini diletakkan di dinding-dinding Menara MPSP yang boleh dilihat oleh pengunjung-pengunjung ke sini. Di samping memberikan impak visual kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke Menara MPSP, Mural 3D juga menjadi tarikan pengunjung untuk berselfie (atau wefie).
  
- II. Merekacipta dan menghasilkan alat *Economical Food Waste Composter* (EFWC) yang mempercepatkan proses pengkomposan bahan buangan organik atau sisa dapur. *Economical Food Waste Composter* adalah merupakan satu inovasi MBSP bersama Universiti

Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam pengurusan sisa makanan dan menukarkannya kepada satu bahan yang memberi faedah iaitu baja kompos. Sisa-sisa makanan atau sisa buangan dapur diproses oleh EFWC menggunakan motor untuk pengudaraan dan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan. Sebanyak 50kg sisa organik boleh dimuatkan dalam mesin ini dan kompos boleh dihasilkan dalam masa lima (5) hari.

III. Kolaborasi dengan UPSI telah diteruskan dengan memperkenalkan Pendidikan Hijau Digital Peringkat Sekolah yang dilancarkan pada 13 April 2019. Program Pendidikan Hijau Digital ini adalah merupakan program pertama seumpamanya yang diperkenalkan di sekolah-sekolah Seberang Perai. Ianya merupakan inovasi yang harus diberi penghargaan dan diperluaskan ke semua sekolah-sekolah di Malaysia. Pendidikan Hijau Digital ini adalah salah satu program bagi meningkatkan kesedaran murid-murid di sekolah dalam menjayakan Sekolah Hijau. Pendidikan Hijau Digital merupakan satu alat Permainan Pendidikan dalam bentuk digital (Digital Education Tools) yang dikenali sebagai *Edutainment Green Games*. Permainan Pendidikan Hijau Digital ini berasaskan pembelajaran pedagogi pendidikan dan perlu diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Ianya menggunakan konsep permainan (games) berbentuk pengembaraan dan pengujian pengetahuan. Sebanyak tiga jenis permainan telah dibentuk di bawah

Pendidikan Hijau Digital, iaitu pengkomposan (*compost hero*), perang terhadap sampah (*rubbish war*) dan pencemaran lautan (*ocean pollution*) dan yang terbaru iaitu membangunkan permainan *digital single use plastic*. Pada 17 Ogos 2020, *Edutainment Green Games* ini telah berjaya didaftar ke dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] di mana Datuk Bandar Seberang Perai dan Profesor Madya Dr Che Zalina Binti Zulkifli sebagai pencipta. Ini merupakan satu kejayaan atas usaha yang telah dilaksanakan secara bersama di antara MBSP dan UPSI.

Jalinan kerjasama dengan *philosopher* ini secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat sejajar dengan sasaran MBSP ke arah menjadi Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022 dengan wawasan 'Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.' Saya amat berharap banyak lagi kolaborasi dengan pelbagai institut pengajian tinggi dapat dijalin di masa hadapan. Saya juga menyeru agar lebih banyak institusi pengajian tinggi dan juga institusi penyelidikan tampil ke hadapan untuk bersama-sama MBSP dalam menjayakan pelbagai program-program seumpama ini.

**Yang Berbahagia Prof, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

Pada Tahun 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan Program Bumi Hijau sebagai langkah menggalakkan rakyat menyediakan bahan makanan sendiri melalui “tanam, ternak dan makan sendiri”. Untuk tujuan pelaksanaan Program Bumi Hijau di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 5 Tahun 2008 yang bertajuk “Pelaksanaan Program Bumi Hijau oleh PBT” yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008 telah diedarkan untuk menjadi panduan pelaksanaan. Program ini secara tidak langsung menggalakkan penduduk tempatan daripada kalangan yang berpendapatan rendah untuk memperoleh pendapatan tambahan melalui kegiatan bercucuk tanam bagi menampung keperluan harian keluarga.

Salah satu program yang dibangunkan di bawah Program Bumi Hijau oleh PBT adalah Kebun Kejiranan yang merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan perumahan atau perkampungan oleh komuniti. Ia menggalakkan pengeluaran makanan tempatan yang dapat menjamin kesegaran makanan, menghasilkan pelbagai jenis tanaman, menyokong



pembangunan ekonomi tempatan (*Local Economy Development*) dan menggalakkan pertanian yang berasaskan komuniti.

Program Kebun Kejiranan atau juga dikenali sebagai *Urban Farming* adalah tertumpu kepada pengamalan pertanian organik yang merupakan tanaman alternatif menggunakan bahan beracun terhadap tumbuhan. Pertanian organik menolak penggunaan baja sintetik, racun perosak dan tumbuhan yang diubahsuai secara genetik yang dapat meminimumkan kesan buruk terhadap alam sekitar. Di Malaysia, pertanian organik telah lama diamalkan apabila petani menggunakan baja dalam bentuk kompos yang dihasilkan daripada produk sampingan pertanian yang mempunyai material yang lebih organik. Pertumbuhan pertanian organik adalah dipengaruhi oleh permintaan yang tinggi oleh pengguna baik di peringkat tempatan mahu pun di peringkat antarabangsa akibat daripada kesedaran terhadap kualiti dan keselamatan makanan.

Matlamat Kebun Kejiranan adalah untuk:-

- i. Memanfaatkan tanah kosong untuk menanam sayur-sayuran;
- ii. Menggalakkan penduduk setempat untuk menghasilkan bahan makan untuk keperluan harian;
- iii. Mengurangkan kos sara hidup komuniti setempat;

- iv. Meningkatkan minat golongan muda terlibat di dalam sektor pertanian; dan
- v. Memanfaatkan penggunaan teknologi terkini dalam projek pertanian yang diusahakan.

Adalah diharapkan tanah lapang yang terbiar di Seberang Perai boleh diusahakan bagi kebun kejiranan. MBSP dan Jabatan Pertanian sedia membantu komuniti membuat kompos untuk kegunaan tanaman organik - makan sihat, badan sihat, jimat wang dan akhirnya membantu pengurangan jejak karbon. Program kebun kejiranan merupakan satu usaha untuk menggalakkan penjagaan kebersihan dan penghijauan serta penglibatan komuniti serta dapat menjana pendapatan komuniti (*Local Economic Development*). Di samping itu, MBSP mengembangkan konsep *Circular Economy* di mana sisa-sisa buangan seperti kertas, plastik, kain, sisa makanan, minyak masak terpakai dan sisa pertanian boleh diubah menjadi aset untuk memperolehi pendapatan samping. Dan dalam masa yang sama memastikan kelestarian jangka panjang dan membantu dalam mengurangkan sampah sarap dan sisa buangan dihantar ke tapak pelupusan dan seterusnya mewujudkan komuniti sisa sifar

**Yang Berbahagia Prof, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

MBSP amat serius dalam menggalakkan aktiviti penanaman sayur-sayuran di halaman rumah di kalangan warga Seberang Perai. Salah satu langkah adalah menimbuklan minat di kalangan warga kerja MBSP itu sendiri. MBSP telah mewujudkan program bagi wira oren untuk bekebun di halaman rumah. Penyertaan pertama ialah seramai 50 orang di mana setiap peserta akan diberi empat (4) pohon benih bendi, 20 gram benih sayur dan 200 gram kompos. Bagi peserta yang berjaya dalam penanaman sayur selepas sebulan akan dihadaiah dua (2) kg kompos.

Pada bulan Februari 2021, MBSP telah menghantar tujuh (7) wira oren daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk menyertai bengkel teknonogi rekabentuk infrastruktur asas hidroponik NFT (*Nutrient Film Technique*) dan DFT (*Deep Flow Technique*) Fasa I. NFT dan DFT adalah merupakan dua cabang hidroponik di mana DFT merupakan kaedah hidroponik dengan aliran air nutrien dalam paip yang berukuran 5 sm, manakala NFT adalah teknik hidroponik air cetek (3 sm).

Mereka telah menunjukkan komimen yang tinggi dan belajar bersungguh di bawah penyeliaan pakar-pakar dari *Faculty of Art, Computing & Creative Industry*, Universiti Pendidikan Sultan Indris, Tanjung Malim, Perak.

- i. Zai Asmawi Bin Zainol Abidin (42007)
- ii. Mohd Yusri Bin Zainol (61576)
- iii. Norshamizam Bin Md Sarif (51959)
- iv. Mohd Hanif Bin Yahaya (41873)
- v. Zulkifli Bin Dolah (42038)
- vi. Mohd Hamizan Bin Ahmad (59923)
- vii. Marzuki Bin Lazim (53610)

Kemahiran yang diperolehi boleh membantu masyarakat meningkatkan pertanian bandar atau kebun komuniti. Hari ini kita akan meraikan mereka dengan menyerahkan Sijil Penyertaan.

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menyewakan sebidang tanah seluas 1.4 ekar di Padang Cempedak, Tasek Gelugor, iaitu di tempat yang kita berada sekarang ini. Tempat ini dinamakan Pusat Pendidikan Hijau

UPSI-MBSP-URBANEST (*UPSI-MBSP-URBANEST Edu Green Centre*) dan telah dibangunkan sejak 1 Januari 2021. Ini merupakan pusat Pendidikan kebun komuniti dan buat masa ini terbuka kepada warga kerja MBSP terutamanya wira oren untuk mendaftar dan menyertai bengkel atau latihan.

**Yang Berbahagia Prof, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati  
Sekalian,**

Di kesempatan ini, saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas Fakulti Seni, Komputeran Dan Industri Kreatif (FSKIK) khususnya kepada yang Berbahagia Profesor Madya Dr Che Zalina binti Zulkifli dan juga Yang Berbahagia Profesor Dr Mohd Fauzi Bin Sedon @ M Dom atas usaha dan inisiatif selaras dengan hasrat Universiti ke arah 3R: *to be referred; to stay relevant and to be respected.*

Kepada wira-wira oren yang telah mengikuti bengkel dan latihan, amalkanlah penanaman sayur-sayuran di rumah masing-masing. Saya menyeru agar wargakerja MBSP untuk bercucuk tanam di rumah dan halaman masing-masing. Benarlah kata orang, tidak rugi berbakti kepada tanah. Selain dapat mengeluarkan peluh untuk menjaga kesihatan diri, hobi

bercucuk tanam menjadi terapi yang menenangkan fikiran. Siapa yang tidak gembira apabila memiliki kebun dapur yang subur menghijau walaupun keluasannya boleh diukur dengan jari. Bukan sekadar hobi, minat bercucuk tanam menjadikan dirinya sentiasa gembira dan memiliki emosi stabil terutama selepas selesai bercucuk tanam. Sisa-sisa dapur pulak tidak perlu dibuang, malah boleh dijadikan baja kompos.

Marilah kita menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*).

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya dengan ini merasmikan Majlis Penyampaian Sijil penyertaan Bengkel Teknologi Rekabentuk Infrastruktur Asas Hidroponil NFT dan DFT Fasa I.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**